



**Headline** : Salcon ceburi pembuatan sarung tangan  
**News Source** : Berita Harian/Bisnes/ pg 32  
**Date** : 13 May 2021

---

## Salcon ceburi pembuatan sarung tangan

**Salcon** Bhd berharap dapat menyelesaikan langkah mempelbagaikan perniagaan dengan menceburi segmen pembuatan dan penjualan sarung tangan getah melalui persetujuan pemegang sahamnya dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) akan datang.

Firma kejuruteraan air dan sisa kumbahan itu juga menasarkan cabang perniagaan barunya itu dalam pembuatan sarung tangan getah akan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Dalam satu nota kepada Bursa Malaysia, Salcon berkata, cadangan itu diambil selepas Salcon memperoleh baki 10 peratus kepentingan dalam Nusantara Jasakita Sdn Bhd (NJSB) pada 10 Mei lalu, menjadikan NJSB anak syarikat milik penuhnya.

Salcon berkata pada 12 November 2020, NJSB membuat perjanjian penjualan saham (SSA) dengan Ganesan Subramaniam bagi memperoleh 1.02 juta saham biasa dalam JR Engineering and Medical Technologies (M) Sdn Bhd (JREMT) pada pertimbangan tunai sebanyak RM28.56 juta.